

Diskusi ICT



Bersama **FIRKHAN**
sembangict@yahoo.com

Elak dilihat guna kamera web

ADA yang mengatakan seseorang boleh melihat anda menerusi komputer yang digunakan menerusi kamera web. Bagaimana untuk mengelakkan perkara ini berlaku? - MAT, Rompin.

TERIMA kasih. Para penggodam menggunakan aplikasi dan teknologi komputer yang berasaskan RAT (*Remote Access Technology*) untuk mengawal sesbuah sistem komputer termasuk menggunakan kamera web untuk memantau pengguna komputer tersebut. Bagaimana untuk mengesan kewujudan masalah ini? Ia agak sukar tetapi ada beberapa tanda yang boleh dikenal pasti berlakunya masalah ini.

1 Terdapat kursor tetikus yang aktif pada sesbuah komputer tanpa menyentuh tetikus atau mana-mana peralatan input.

2 Skrin komputer yang digunakan sentiasa berkelip-kelip secara berkala dalam masa tertentu.

3 Terdapatnya proses dalam dalam program *Task Manager* yang menunjukkan sesuatu aktiviti penggodaman sedang berlaku.

4 Lakukan pengimbasan rangkaian dengan perisian tertentu dan buat analisis terhadap paket data terutama yang keluar daripada komputer yang disyaki dikompromi. Sekiranya saiz dan kandungan paketnya tidak manusabah dan pelik, berkemungkinan komputer tersebut dikawal dan diawasi daripada jarak jauh.

Jadi, bagaimana untuk mengatasinya?

1 Seperti biasa, lakukan penyelenggaraan sistem dan keselamatan komputer seperti yang sering dibincangkan diruangan ini.

2 Penggunaan aplikasi VPN untuk akses kepada rangkaian internet.

3 Tutup perkhidmatan *Windows Remote Access* dan mana-mana perkhidmatan capaian jarak jauh yang ada dalam komputer sekiranya tidak digunakan.

Sekiranya, terbukti sesbuah komputer itu dikompromi, format sistem komputer adalah jalan yang terbaik untuk menghilangkan aplikasi RAT yang digunakan oleh penggodam.